

'Anwar tidak popular dengan orang Melayu'

Sinar Harian - 2/7/2020 m/s: 6

Tun M dedah mengapa Anwar tidak layak jadi calon Perdana Menteri PH Plus

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendedahkan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak layak menjadi calon Perdana Menteri bagi mewakili kerajaan Pakatan Harapan (PH) Plus.

Menurut Perdana Menteri ketujuh itu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson tidak popular dalam kalangan orang Melayu, selain menyifatkan sokongan tersebut penting untuk mana-mana parti menang dalam pilihan raya.

"Ya, dia tidak begitu popular dengan orang Melayu. Sekarang, telah ditunjukkan bahawa sokongan orang Melayu sangat penting bagi mana-mana parti untuk memenangi

pilihan raya.

"Kerana dia tidak popular, sebagai pemimpin parti berbilang kaum, dia memerlukan seseorang yang menjadi pemimpin orang Melayu untuk memenangi pilihan raya ini.

"Dengan diri saya sebagai calon Perdana Menteri, saya rasa kita akan mendapat sokongan orang Melayu," kata Dr Mahathir dalam wawancara yang disiarkan saluran CNBC semalam.

Dr Mahathir mengatakan perkara itu ketika ditanya mengapa beliau tidak akan menyerahkan jawatan pemimpin negara kepada Anwar walaupun mengatakan sebaliknya pada tahun 2019.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, Anwar gagal untuk mendapat sokongan Melayu dalam tiga pilihan raya sebelum ini.

Katanya, Anwar juga tidak boleh mencalonkan dirinya ketika itu kerana masih berada di dalam penjara.

Anwar dipenjarakan pada 2015 atas kesalahan meliwat dan dibebaskan pada 16 Mei 2018 selepas memperolehi pengampunan diraja daripada Yang di-Pertuan Agong.



ANWAR



DR MAHATHIR

Dr Mahathir dan penyokong Anwar kini terlibat dalam konflik yang dilihat akan terus berpanjangan dalam isu pemilihan calon Perdana Menteri Pakatan Harapan (PH) Plus.

Selasa lalu, Pengarah komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Abdul Samad telah mengatakan bahawa pencalonan ketua Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal sebagai Perdana Menteri PH Plus akan dibincangkan oleh Majlis Presiden gabungan itu terdekat ini.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng juga mengatakan bahawa pilihan PH Plus untuk calon Perdana Menteri mesti mendapat persetujuan semua rakan gabungan itu.